

# KAPS-07

## Kod Amalan Penilaian

# Pengajaran Pasca Siswazah

SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH (SPS)

Cetakan Pertama 2009 (KAPS 01 – KAPS 08)  
Pindaan Pertama 2012 (KAPS 09 – KAPS 14)  
Pindaan Kedua 2012 (Semakan Pertama)  
Pindaan Ketiga 2018 (KAPS 01 – KAPS 14)  
© Sekolah Pengajian Siswazah, 1992

Kod Amalan Pengajian Siswazah (KAPS 01 -14)  
Diluluskan Jawatankuasa Eksekutif Sekolah Pengajian Siswazah (4 Julai 2012)  
Diluluskan Mesyuarat JKTS Dasar dan Entiti Akademik (7 Mac 2018)

Sekolah Pengajian Siswazah  
81310 UTM Johor Bahru  
Johor Darul Ta'zim

### ***Visi UTM***

*Diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia.*

### ***Visi SPS***

*UTM akan menjadi sebuah universiti yang berasaskan kepada Pengajian Pasca siswazah dan sebuah pusat rujukan pendidikan siswazah*

### ***Misi UTM***

*Menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif demi pengkayaan khazanah negara.*

### ***Misi SPS***

*Mewujudkan sebuah pusat pendidikan siswazah yang mempunyai ekosistem pembelajaran yang menawarkan program-program berkualiti dan memperkayakan pengalaman pelajar untuk berhadapan dengan dunia yang mencabar.*

**ISI KANDUNGAN**

1.0	PENGENALAN	1
2.0	SKOP	1
3.0	DEFINISI	2
4.0	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	3
5.0	PROSES DAN PELAKSANAAN	4
6.0	PENGGUNAAN MAKLUMAT PPP	8
7.0	DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN	8

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Universiti komited terhadap usaha penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti Penilaian Pengajaran Pensyarah (PPP) yang dijalankan secara menyeluruh di kalangan semua staf akademiknya.
- 1.2 PPP juga direkabentuk, dibangunkan dan dilaksanakan berasaskan keperluan dan garis panduan yang dijelaskan dalam Amalan Jaminan Kualiti, Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dan keperluan badan akreditasi.
- 1.3 PPP bertujuan untuk mengumpul maklumat pengajaran seseorang staf akademik secara sistematik bagi:
  - i. memperbaiki pengajaran dan seterusnya pembelajaran.
  - ii. menggalakkan staf akademik untuk terlibat dalam keserjanaan pengajaran (*scholarship of teaching*) melalui amalan refleksi terhadap maklum balas penilaian pengajaran mereka.
  - iii. membantu staf akademik dalam menyediakan Portfolio Pengajaran.
- 1.4 Kod amalan ini bertujuan bagi menyediakan garis panduan pelaksanaan PPP sebagai alat penambahbaikan berterusan yang digunakan bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan P&P.

## 2.0 SKOP

- 2.1 PPP mesti dibuat ke atas pengajaran seseorang staf akademik sekali setiap semester menggunakan kaedah yang ditetapkan oleh Universiti
- 2.2 PPP dilaksanakan dengan menggunakan kaedah secara elektronik (e-PPP) pada sistem PPP yang disediakan oleh pihak universiti.
- 2.3 Keputusan PPP adalah merupakan persepsi mahasiswa terhadap keberkesanan pengajaran seseorang staf akademik yang mengajar dalam sesuatu semester. Sebarang kegunaan maklumat PPP selain daripada dinyatakan dalam Perkara 1.3 mesti dibuat bersama dengan maklumat tambahan lain.

- 2.4 PPP hanya dijalankan bagi kursus pasca siswazah yang melibatkan kuliah sahaja. Bagi program pasca siswazah yang melibatkan penyelidikan, penilaian penyeliaan pensyarah dilaksanakan.

### 3.0 DEFINISI

#### 3.1 Penilaian Pengajaran Pensyarah

Penilaian Pengajaran Pensyarah ialah proses penilaian yang dilakukan oleh mahasiswa terhadap kaedah P&P yang dikendalikan oleh pensyarah dalam sesuatu kursus.

#### 3.2 Min Individu

Min Individu ialah min skor keseluruhan item PPP bagi seseorang staf akademik.

#### 3.3 Min Item

Min Item ialah min skor sesuatu item PPP bagi keseluruhan staf akademik bergantung kepada peringkat Fakulti atau Universiti.

#### 3.4 Min Fakulti

Min Fakulti ialah min skor keseluruhan item PPP bagi keseluruhan staf akademik Fakulti tersebut.

#### 3.5 Min Universiti

Min Universiti ialah min skor keseluruhan item PPP bagi keseluruhan staf akademik Universiti.

#### 3.6 Penarafan

Penarafan ialah kedudukan skor min individu staf akademik berasaskan lima kumpulan skor. Setiap kumpulan skor menggambarkan kedudukan sela 20 peratus yang sama bermula daripada 20 peratus terbawah. Ini bermaksud seseorang staf akademik dengan Taraf P1 memperolehi skor Min Individu PPP dalam kumpulan 20 peratus terbawah sementara Taraf P5 bermaksud beliau memperolehi skor Min Individu PPP dalam kumpulan 20 peratus teratas.

## 4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

### 4.1 Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (*Centre for Teaching and Learning* atau CTL)

CTL bertanggungjawab terhadap perancangan dan pengurusan aktiviti PPP meliputi rekabentuk dan pembangunan instrumen, menyediakan borang penilaian (manual dan dalam talian), mengedar borang ke Fakulti, memproses maklumat, membenteng analisis hasil keputusan, menyediakan slip keputusan PPP dan menyimpan rekod hasil penilaian.

### 4.2 Fakulti dan SPS

Fakulti dengan bantuan SPS bertanggungjawab:

- i. menyediakan maklumat berkaitan kursus yang akan dinilai meliputi nama pensyarah, nama, kod dan seksyen kursus.
- ii. mengedar dan mengumpul borang PPP dan kemudiannya mengemukakan kepada pihak CTL.
- iii. menyediakan kemudahan bagi penilaian e-PPP.
- iv. memastikan mahasiswa membuat penilaian PPP (manual dan dalam talian) mengikut tempoh dan prosedur yang ditetapkan.
- v. mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya berasaskan keputusan PPP staf akademik masing-masing.

### 4.3 Staf Akademik

Staf akademik perlu:

- i. memastikan PPP dilaksanakan untuk setiap kursus bagi seksyen yang dikendalikan.
- ii. menggalakkan penglibatan keseluruhan mahasiswa.
- iii. melakukan refleksi secara mendalam dan menambahbaik pengajaran berdasarkan komen dan skor yang diperolehi daripada PPP.

### 4.4 Mahasiswa

Semua mahasiswa dikehendaki memberikan penilaian terhadap pengajaran, pembelajaran dan sebarang aktiviti dalam kuliah dengan

menggunakan borang atau melalui sistem e-PPP. Mahasiswa juga boleh memberi komen bertulis untuk penambahbaikan pengajaran pensyarah.

## 5.0 PROSES DAN PERLAKSANAAN

### 5.1 Kandungan PPP

Soalan-soalan dalam PPP direkabentuk bagi:

- i. merangkumi semua isu-isu utama pengajaran yang patut dinilai.
- ii. membolehkan staf akademik menerima komen secara kualitatif.

Kandungan soalan-soalan dalam PPP terbahagi kepada dua bahagian.

#### **Bahagian I (PENILAIAN PENGAJARAN)**

Bahagian ini mengandungi empat kategori meliputi aspek pengajaran, penyampaian, penilaian dan hubungan pensyarah dan mahasiswa. Setiap kategori mengandungi beberapa soalan terpilih yang menggambarkan amalan pengajaran yang baik. Skala yang digunakan adalah berdasarkan skala Likert 1 – 5 seperti di bawah:

*Very poor*    *Poor*    *Moderate*    *Good*    *Excellent*

#### **A. Planning**

1. *The course is well organized.*
2. *The course content is suitable for postgraduate level.*
3. *Course Expectations on students are clearly given*
4. *Recommended learning materials and resources are relevant and useful.*
5. *The course work is well planned and evenly distributed throughout the semester.*



**B. Delivery Techniques**

1. *The content is given in the context of real world applications.*
2. *The delivery techniques engage students to participate in the learning.*
3. *The lecturer is passionate and enthusiastic about the course.*
4. *The lecturer is able to connect the course content to basic concepts.*
5. *The lecturer inspires students to explore beyond the syllabus.*
6. *The lecturer stimulates students to use a wide range of learning resources that assist development of research skills.*
7. *The lecturer encourages students to be responsible for their own learning.*

**C. Assessment**

1. *Feedback on the assignments is constructive, valuable and clear.*
2. *My graded assignments accurately measure my learning in this class.*
3. *Assessments are related to course content.*
4. *Methods used for evaluating student work are fair and appropriate.*
5. *Lecturer is able to use assessment method to challenge students to develop their individual capacity.*

**D. Student-Lecturer Relation**

1. *The lecturer can be communicated.*
2. *The lecturer shows concern about students' learning.*
3. *The lecturer guides students towards independent learning.*
4. *The lecturer treats students in a professional manner.*
5. *The lecturer is open for critiques and different views.*

## **Bahagian II (ATRIBUT GRADUAN UTM)**

Bahagian ini menekankan persepsi mahasiswa terhadap usaha staf akademik terhadap penguasaan kemahiran generik berikut dikalangan mahasiswa semasa pengajaran:

1. *Scholarship of Knowledge (integration of ideas, apply, analyze, synthesize, and evaluate knowledge of discipline)*
2. *Communication (oral & written)*
3. *Leadership and Team Work (cooperation, proactive, team player)*
4. *Research Skill (critical and creative thinking, design of methodology, problem solving)*
5. *Life-long Learning (independent work, commitment and passion for learning new knowledge)*
6. *Ethics and Integrity (understand impact of actions, trustworthiness, professionalism)*

Skala penilaian pada bahagian ini adalah berasaskan skala dibawah:

Tiada      Sedikit      Sederhana      Banyak

Skor dari bahagian ini tidak diambil kira bagi pengiraan skor Min Individu.

Contoh borang PPP adalah seperti pada **Lampiran 1**.

### 5.2 Kaedah Penilaian

Penilaian PPP boleh dijalankan secara elektronik (e-PPP) atau menggunakan borang bercetak. Bagi penilaian secara elektronik mahasiswa dikehendaki membuat penilaian melalui komputer di luar waktu kuliah pada tempoh masa yang telah ditetapkan. Bagi penilaian menggunakan kertas kaedah berikut diguna pakai:

5.2.1 Penilaian PPP mesti diuruskan oleh Timbalan Pendaftar Fakulti atau sesiapa yang dipertanggungjawabkan.

5.2.2 Staf akademik dikehendaki memberikan kerjasama dengan memperuntukan masa mahasiswa melakukan penilaian namun tidak dibenarkan menguruskan penilaian bagi kuliah mereka sendiri.

5.2.3 Staf akademik mesti meninggalkan bilik kuliah semasa proses penilaian dilakukan bagi kuliah mereka.

### 5.3 Jadual Penilaian

PPP harus dijalankan di antara minggu ke sepuluh hingga minggu ke tiga belas bagi matapelajaran yang diajar dalam satu semester. Bagi pengajaran secara berpasukan (*team teaching*) penilaian ke atas semua staf akademik harus dijalankan pada masa yang sama.

### 5.4 Keputusan PPP

5.4.1 Slip keputusan PPP (lihat **Lampiran 2**) mengandungi skor bagi perkara-perkara berikut:

- i. Min bagi setiap kategori dalam Bahagian I (Pengajaran, Penyampaian, Penilaian dan Hubungan Pensyarah dan Mahasiswa). Bagi kategori ini nilai min yang diberi adalah Min Anda, Min Fakulti dan Min Universiti.
- ii. Min bagi setiap item dalam sesuatu kategori. Taburan frekuensi bagi setiap pilihan mahasiswa juga diberikan.
- iii. Statistik pencapaian keseluruhan. Nilai min yang diberi adalah merupakan Min Individu, Min Fakulti dan Min Universiti secara keseluruhan.
- iv. Penarafan staf akademik.
- v. Bagi penerapan kemahiran generik, taburan frekuensi bagi setiap pilihan mahasiswa diberikan.

- 5.4.2 Komen boleh diakses secara terus oleh pensyarah pada laman web.
- 5.4.3 Keputusan penilaian hanya akan dimaklumkan kepada staf akademik terlibat sementara keputusan Penilaian e-PPP boleh didapati secara dalam talian. Satu salinan keputusan juga dibekalkan secara sulit kepada Dekan setiap Fakulti bagi tujuan penambahbaikan P&P di Fakulti masing-masing.

## 6.0 PENGGUNAAN MAKLUMAT PPP

Universiti menggunakan pelbagai kaedah untuk mengumpul data bagi menilai kualiti dan keberkesanan P&P. Data PPP merupakan sebahagian dari proses jaminan kualiti yang berterusan. Data ini juga digunakan bagi menyokong keserjanaan pengajaran di UTM. Ini bermakna data yang diperolehi boleh diterbitkan dalam bentuk laporan, artikel jurnal, kertas kerja persidangan, buku atau di laman web. Penglibatan dalam proses penilaian ini merupakan persetujuan dalam penggunaan data bagi tujuan di atas. Walau bagaimanapun dalam semua keadaan, kerahsiaan semua peserta yang terlibat dengan PPP adalah dijamin. Kerahsiaan ini meliputi penggunaan dan penyimpanan data.

## 7.0 DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN

- i. Kod Amalan Jaminan Kualiti Pasca Siswazah (KAPS-01), SPS UTM
- ii. Peraturan Akademik Pengajian Siswazah, SPS UTM
- iii. Prosedur Kerja PPP
- iv. *UTM Postgraduate Attributes*
- v. Proses Kerja e-PPP

## PROSES KERJA E-PPP

